



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

23 Mac 2021
9 Syaban 1442H

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Bina pelabuhanancam penyukarah• 'Pesta' tangkap udang geragau di PCB
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Rugi RM700,000 ternakan kerang mati akibat pencemaran
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• Hidup bergantung jualan rumpai laut
Kosmo !	<ul style="list-style-type: none">• PCB meriah kerana udang geragau
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• Nelayan hilang di laut ditemui lemas
The Star	<ul style="list-style-type: none">•
New Straits Time	<ul style="list-style-type: none">•
Nanyang Siang Pau	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Gazette	<ul style="list-style-type: none">•
Harakah	<ul style="list-style-type: none">•
Malaysia Now	<ul style="list-style-type: none">•
Bernamea	<ul style="list-style-type: none">•
See Hua Daily News (Kuching)	<ul style="list-style-type: none">•
Guan Ming Daily	<ul style="list-style-type: none">•
Free Malaysia Today	<ul style="list-style-type: none">•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		12	23/3/2021

12

UTUSAN MALAYSIA
SELASA • 23 MAC 2021

Dalam Negeri

UM 12 23/3/2021

Bina pelabuhan ancam penyu karah

Oleh HADI AB, MANAP
hadi.manap@medianila.com.my

MELAKA: Hasrat kerajaan negeri menyiapkan Pelabuhan Antarabangsa Kuala Linggi (KLIP) bernilai RM15 bilion, bukan sahaja menimbulkan polemik kepada nelayan tetapi turut mengancam populasi penyu karah.

Ini kerana, penyu karah yang disenaraikan sebagai spesies 'sangat terancam' sinonim menjadikan pantai-pantai di sekitar Alor Gajah dekat sini sebagai lokasi pendaratan dan bertelur.

Jika KLIP dimulakan pada April ini, ia berpotensi mengganggu lima tempat pendaratan haiwan berkenaan iaitu di Kuala Linggi, Tanjung Serai, Meriam Patah, Tanjung Dahan dan Teluk Belanga.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Penyelidik di Pusat Pengajian Sains Kaji Hayat Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Sarahaizad Mohd. Salleh mendedahkan, aktiviti penambakan dan pengorekan induk, penebusgunaan tanah, pulau buatan dan sebagainya dengan jarak hanya 300 meter dari garis pantai berpotensi mengganggu pendaratan penyu karah.

Beliau berkata, di rantau Asia Tenggara, hanya Melaka satu-satunya lokasi pendaratan paling tinggi spesies penyu terbabit dengan data 450 hingga 500 sarang tahunan yang direkodkan pada 2013 dan 2014.

Justeru, kata beliau, pembangunan yang dikejar itu tidak berbali dengan keunikan yang Melaka ada.

Jelasnya, senario itu terbukti di Sungai Udang apabila pembinaan sebuah loji penapisan telah menghapus-

DR. SARAHAIZAD
MOHD. SALLEH

kan lokasi pendaratan penyu karah di kawasan berkenaan.

"Ada penurunan dekat Pulau Upeh dan Sungai Udang, jadi di Sungai Udang ada loji penapisan. Dari tahun 2013 hingga 2014, saya buat projek data penyu, saya dapat kurang 30 sarang.

"Kemudian sekarang ini, dari tahun 2016 hingga 2019 sudah berubah jadi kosong sarang. Ini membuktikan ia memberi kesan kepada pendaratan penyu karah.

"Melaka hab penting penyu karah, kalau dekat Semenanjung hanya Melaka tempat penyu karah mendarat. Di Asia Tenggara hanya ada di Vietnam dan Melaka, tapi Vietnam menunjukkan penurunan drastik kerana wujud aktiviti menangkap penyu karah untuk kulitnya yang bernilai tinggi," katanya.

Baru-baru ini, kerajaan negeri mengumumkan sedia membatalkan KLIP sekiranya tidak mematuhi syarat pembangunan khususnya Kajian Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA).

Ketua Menteri Melaka,

Datuk Seri Sulaiman Md. Ali berkata, ia adalah keputusan bawazir terhadap mana-mana projek pembangunan tambak laut di negeri ini, dan bukan hanya terpakai kepada KLIP sahaja.

Isa susulan kenyataan Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun yang menyatakan, KLIP perlu mematuhi EIA, sekali gus memastikan projek itu tidak mendatangkan masalah kepada negerinya pada masa akan datang.

Bagaimanapun, Sarahaizad menambah, pupan harus diberikan kepada Jabatan Perikanan negeri yang dilihat sangat proaktif dalam usaha konservasi haiwan terancam itu.

Ujarnya, data terbaharu dari 2015 hingga 2019 menunjukkan, sebanyak 907 sarang tahunan direkodkan di lima lokasi utama iaitu 20 di Kuala Linggi, Tanjung Serai (213), Meriam Patah (225), Tanjung Dahan (330) dan Teluk Belanga (118).

Justeru, tegasnya, kerajaan negeri perlu berfikir dengan mendalam tentang impak pembinaan KLIP yang bukan sahaja mengganggu peruk nasi rakyat, malah boleh menghapuskan produk pelancongan bernilai tinggi.

"Kita tahu Melaka adalah negeri pelancongan, banyak chalet dan resort di sepanjang pantai tetapi jabatan Perikanan negeri sangat serius dalam usaha konservasi penyu karah.

"Mereka letak pegawai-pegawai untuk pantau pendaratan penyu dan sebagainya. Jadi amat sayang kalau usaha ini jadi sia-sia, sematamata nak mengejar pembangunan," jelasny.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		33	
							23/3/2021	

'Pesta' tangkap udang geragau di PCB

Oleh ROSLIZA MOHAMED
 utusannews@mediamula.com.my

KOTA BHARU: Penduduk setempat di sekitar Pantai Cahaya Bulan (PCB) di sini tidak melepaskan peluang menangkap udang geragau sambil bersantai di pantai ketika musim panas.

PCB terkenal sebagai lokasi menangkap udang geragau atau lebih dikenali sebagai udang baring dalam kalangan masyarakat tempatan dan biasanya banyak ditemukan sekitar Februari dan Mac.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di PCB mendapati, penduduk turun beramai-ramai menangkap udang geragau dengan menggunakan jaring halus atau tudung saji untuk mengaut udang itu.

Seorang penduduk, Mohd. Iman Rosli, 26, berkata, dia bersama 10 saudara-mara yang merupakan nelayan, pergi ke pantai itu yang tidak jauh dari rumah pada waktu tengah hari untuk menangkap udang.

"Kebiasaannya, kami akan menggunakan jaring bersaiz besar untuk menangkap udang geragau.

"Dalam tempoh dua jam, dianggarkan 200 kilogram udang geragau berjaya ditangkap. Hasil tangkapan itu akan dijual kepada penduduk kampung pada

harga RM5 sekilogram," katanya ketika ditemui di sini.

Dia turut berkongsi petua bagaimana mengesan lokasi yang terdapat udang geragau.

"Kita boleh rasa apabila bahagian kaki seperti dicubit halus ketika turun ke pesisir pantai selain melihat air laut yang kemerah-merahan," katanya.

Mohd. Iman yang baru menamatkan pengajian dalam jurusan Ijazah Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mengakui teruja apabila dapat membawa pulang banyak tangkapan berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Sementara itu nelayan dari Pantai Kundur, Ghazali Mamat, 58, berkata, udang geragau kebiasaannya ditemukan secara bermusim iaitu sekali hingga empat kali dalam tempoh setahun.

Katanya, dia akan berjalan kaki dari rumah yang terletak kira-kira tiga kilometer dari PCB semata-mata mahu menangkap udang geragau.

"Saya lihat banyak hasil tangkapan diperoleh penduduk di situ sebelum dijual kepada penduduk sekitar. Senemangnya, setiap kali musim menangkap udang geragau, kawasan PCB pasti akan meriah," katanya.

4M M/S 33 23/3/2021



MOHD. Iman Rosli (kiri) dan sepupunya, Nor Azam Norazidin menunjukkan udang geragau hasil tangkapan di Pantai Cahaya Bulan (PCB), Kota Bharu. - UTUSAN/ROSLIZA MOHAMED

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN	✓	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL	38	23/3/2021	

Rugi RM700,000 ternakan kerang mati akibat pencemaran

BH M/S 38 23/3/2021

Bukit Mertajam: Persatuan Nelayan Unit B Kuala Juru, di sini, mendakwa kerugian lebih RM700,000 selepas penternakan kerang diusahakan sejak Mac tahun lalu, mati dan berbau busuk disyaki akibat pencemaran selut.

Kejadian itu didakwa berlaku berikutan projek mendalamkan sungai berkenaan hingga menjejaskan tapak penternakan kerang seluas 28.328 hektar.

Pengerusi persatuan itu, Bahari Edin, 74, berkata kematian kerang disedari ketika penternak mahu mengutip hasil pada 12 Mac lalu sebelum mendapati hasil laut berkenaan berbau busuk dan mati.

"Kami menunggu hampir setahun untuk mengutip hasil kerang itu, namun terkejut apabila semua kerang yang dikutip mati dan berbau busuk hingga tidak boleh dipasarkan langsung.

"Lebih RM100,000 wang dikeluarkan untuk membeli benih kerang berkenaan, tetapi kesudahannya amat mengecewakan.

"Sepatutnya, kami boleh me-

raih pulangan lebih RM700,000 daripada hasil penternakan kali ini. Namun, malangnya, berlaku kejadian ini yang dianggap paling buruk sepanjang tempoh kami menternak kerang sejak 1980," katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Bahari berkata, persatuan itu ada 14 ahli yang semuanya mengharapkan pendapatan melalui hasil penternakan kerang.

Katanya, ternakan kerang berkenaan disyaki mati akibat pencemaran selut kesan projek mendalamkan sungai itu yang dimulakan 25 September tahun lalu dan dijangka siap pada Khamis ini.

"Apabila mengutip hasil, kami mendapati kerang diselaputi selut. Ia disyaki akibat projek mendalamkan sungai itu kerana tanah selut yang dikorek hanya diletakkan berdekatan tapak penternakan kami.

"Mengikut perjanjian sebelum ini, tanah selut yang dikorek untuk mendalamkan sungai itu akan dibuang di luar kawasan, tetapi

berlaku sebaliknya, sekali gus disyaki menjadi punca pencemaran," katanya.

Bahari berkata, penternak sebelum itu menikmati hasil lumayan apabila mengutip hampir satu tan kerang sehari dan turut memasarkannya ke luar negara seperti Thailand serta Vietnam.

"Bagaimanapun, kami kini menanggung kerugian, malah tidak dapat menternak kerang selama empat hingga lima tahun akibat pencemaran itu.

"Kami sekarang dalam proses menuntut pampasan dan pada bulan lalu, dipanggil berunding, tetapi akhirnya pihak terbabit tidak hadir," katanya.

Sementara itu, penternak, Abbas Noor, 61, berkata beliau sedih dengan kejadian berkenaan yang menjejaskan pendapatannya.

"Selepas ini, kami hanya boleh memukat ikan dan melakukan kerja lain sementara menunggu untuk dapat kembali menternak kerang," katanya.



Abbas menunjukkan kerang yang mati dan berbau busuk di Kuala Juru, Bukit Mertajam, semalam. (Foto Danial Saad/BH)

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU				
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Hidup bergantung jualan rumpai laut

HM m/s 23 23/3/2021

FOTO: ASWADI ALIAS

Semporna: Kehidupan mereka hanya bergantung kepada hasil jualan rumpai laut namun Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan akibat Covid-19 menyulitkan keadaan.

Munap Wahid, 35, lelaki etnik Suluk dan isteri serta lima anaknya mengakui pernah terputus bekalan makanan disebabkan tidak dapat bergerak dan kekurangan wang untuk membeli barang keperluan.

Mereka menghuni rumah yang dibina menggunakan kayu dan buluh di tengah laut di Pulau Sangaban di sini, sejak 12 tahun lalu.

"Saya menyara hidup dengan menjual rumpai laut kepada peraih pada harga RM2.50 sekilogram yang mana rumpai diperoleh di tengah laut Pulau Sangaban.

"Namun, disebabkan tidak dapat keluar rumah ketika PKP, selain peraih juga tidak boleh keluar dari Semporna menyebabkan pendapatan terjejas teruk hingga terputus bekalan makanan beberapa hari," katanya yang berhijrah dari Mindanau, Filipina lebih 20 tahun lalu.

Munap adalah seorang daripada penerima bantuan makanan bagi Misi Santuni Asnaf Sabah oleh Muslim Care Malaysia (Muslim Care) di sini, semalam.

Berkongsi lanjut kisahnya, bapa lima anak itu berkata, sudah lali dengan kehidupan daif di pulau itu



ZULKIFLI (kiri) menyampaikan sumbangan kepada penduduk suku kaum Suluk pada Misi Santuni Asnaf Sabah anjuran Muslim Care Malaysia di Pulau Sangaban, semalam.

yang tiada bekalan elektrik mahupun air bersih.

Munap berkata, dia perlu berperahu ke Pulau Bebang untuk membeli air bersih bagi tujuan memasak yang dijual pada harga RM1 bagi 10 liter.

"Tiga hari sekali saya beli air, (tapi) elektrik tiada. Ini sudah jadi kebiasaan kami, malah tidak kekok mandi air laut. Malam pula diterangi cahaya lampu lilin.

"Bantuan termasuk daripada Muslim Care sangat dinantikan kerana dapat mengurangkan kesempitan yang kami alami. Terima kasih kepada penyumbang," katanya.

Sementara itu, Presiden Muslim Care, Zulkifli Wahid berkata, pihaknya mengunjungi tiga pulau sekitar daerah ini bagi menyampai-



SUKU kaum Suluk jana pendapatan hasil jualan rumpai laut.

kan sumbangan dan secara keseluruhannya, misi itu berjaya mendekati 1,000 asnaf di sini dan Tawau yang terkesan akibat Covid-19.

"Sepanjang Covid-19 melanda Malaysia, Muslim Care sudah menjalankan 320 misi termasuk misi banjir dan kembali ke sekolah bagi membantu golongan berke-

perluan.

"Misi sebegini akan tetap diteruskan untuk memastikan golongan terkesan menerima bantuan untuk bangkit kembali.

"Muslim Care juga menjalankan amanah penderma dengan menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan," katanya.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!	✓	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		18	23/3/2021

KOSMO 18 23/3/2021

Penduduk guna jaring halus kaut hasil laut di kawasan pesisir pantai PCB meriah kerana udang geragau

Oleh ROSLIZA MOHAMED

KOTA BHARU – Penduduk kampung di sekitar Pantai Cahaya Bulan (PCB) di sini tidak melepaskan peluang untuk menangkap udang geragau sambil bersantai di pantai tersebut ketika musim panas.

Selain menjadi tumpuan pengunjung untuk beriadah, PCB juga merupakan kawasan menangkap udang geragau atau lebih dikenali sebagai udang baring dalam kalangan masyarakat setempat yang banyak ditemui di situ pada Februari dan Mac.

Tinjauan Kosmo! mendapati penduduk menangkap udang geragau dengan menggunakan jaring halus atau tudung saji untuk mengaut udang itu secara beramai-ramai.

Seorang penduduk kampung, Mohd. Iman Rosli, 26, berkata,

dia bersama saudaranya dan ahli keluarga pergi ke pantai itu untuk menangkap geragau bermula pukul 2 petang.

"Saya turun ke pesisiran pantai bersama 10 orang saudara yang merupakan nelayan. Kebiasaannya, kami akan menggunakan jaring bersaiz besar untuk menangkap udang geragau.

"Dalam tempoh dua jam, dianggarkan sebanyak 200 kilogram udang geragau berjaya ditangkap. Hasil tangkapan itu akan dijual kepada penduduk kampung pada harga RM5 sekilogram," katanya baru-baru ini.

Katanya, bagi mengetahui lokasi udang, dia akan merasa bahagian kaki seperti akan dicubit halus ketika turun ke pesisir pantai selain melihat air laut yang kelihatan berwarna kemerah-merahan.

Dia yang baru menamatkan

pengajian dalam jurusan Ijazah Sains Sukan, Universiti Pendidikan Sultan Idris amat teruja apabila dapat membawa pulang banyak tangkapan berbanding tahun-tahun sebelum ini.

Sementara itu, seorang nelayan dari Pantai Kundur, Ghazali Mamat, 58, berkata, udang geragau kebiasaannya ditemui secara bermusim iaitu sekali hingga empat kali dalam tempoh setahun.

Katanya, dia akan berjalan kaki dari rumah yang terletak kira-kira tiga kilometer dari PCB untuk melihat penduduk setempat menangkap udang geragau.

"Saya lihat banyak hasil tangkapan diperolehi penduduk di situ sebelum dijual kepada pembeli sekitar.

"Sememangnya, setiap kali musim menangkap udang geragau, kawasan PCB pasti akan meriah," katanya.



MOHD. IMAN (kiri) menunjukkan hasil udang geragau yang ditangkapnya di PCB, Kota Bharu baru-baru ini.

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH	
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	✓	THE SUN	ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL		27	
							23/3/2021	

SH M1527 23-3-2021

Nelayan hilang di laut ditemui lemas



Mayat nelayan hilang sejak Jumaat ditemukan di perairan Tanjung Dawai pada Isnin.

SUNGAI PETANI - Mayat nelayan yang dilaporkan hilang Jumaat lalu ditemui jam 11.40 pagi Isnin selepas operasi mencari dan menyelamat memasuki hari ketiga.

Ketua Polis Daerah Yan, Deputi Superintendan Shahnaz Akhtar Haji berkata, mayat Mohd Rizal Ismail, 34, ditemukan di perairan Tanjung Dawai pada kedudukan 15 batu nautika barat Tanjung Dawai.

Menurutnya, mayat dihantar ke Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) Sungai Petani untuk pengesanan dan

proses bedah siasat.

Sinar Harian sebelum ini melaporkan kejadian di laut membabitkan mangsa yang dikatakan terjatuh ketika keluar menangkap ikan bersama dua rakan lain.

Lokasi mangsa dikatakan terjatuh dilaporkan pada kedudukan kira-kira 9.7 batu nautika barat laut Pulau Bidan, Yan.

Ketika kejadian mangsa disedari hilang apabila rakannya mendapati dia tiada di atas bot pada jam 11 malam pada Jumaat.